

PASUKAN UMT BAWA CABARAN

84 09/06/09 pg. T22

KUALA TERENGGANU - Pasukan bola sepak senior Universiti Malaysia Terengganu (UMT) membawa cabaran pada Kejohanan Sukan Staf antara Universiti-Universiti Malaysia kali ke 32 di Universiti Malaysia Perlis pada 14 hingga 23 Jun ini.

Pasukan itu berada dalam kumpulan C bersama pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM).

Bersandarkan kepada dua bekas pemain negeri, Zulharisam Awang dan Alfian Aziz, di samping kesebelasan utama pasukan senior UMT, pasukan itu berkeyakinan muncul juara pada kejohanan itu nanti.

Pengurus pasukannya, Dr Ahmad Shamsudin Ahmad berkata, beliau berharap pasukan senior UMT mampu membawa pulang piala kejuaraan yang terlepas daripada genggamannya pada tahun lepas.

"Setelah melihat komitmen pemain dan jurulatih, Mat Noor Bidin dalam persiapan untuk kejohanan

ini, pasukan kita mampu memberi tentangan hebat kepada pasukan lawan lain.

"Pada kejohanan tahun lepas, pasukan kita berada di tempat ketiga apabila kalah kepada pasukan Universiti Sains Malaysia (USM) setelah tiga tonggak utama terpaksa direhatkan kerana mengalami kecederaan di peringkat separuh akhir," katanya ketika ditemui, di sini semalam.

Menurutnya, bagi memantapkan pasukan itu, anak-anak buahnya mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) baru-baru ini.

"Walaupun perlawanan persahabatan berakhir dengan keputusan seri iaitu 0-0, namun ia menyaksikan satu perlawanan menarik, tambahan pula pasukan MPKT dibarisi pemain muda.

"Secara keseluruhan, corak permainan pasukan senior UMT semakin menunjukkan peningkatan, namun masih perlu baiki beberapa kelemahan tertentu teknik hantaran dan kawalan bola serta mempertajamkan jentera serangan," katanya.

"Beliau berharap pasukan senior UMT mampu membawa pulang piala kejuaraan yang terlepas daripada genggamannya pada tahun lepas."

- Ahmad Shamsudin Ahmad



Pemain bola sepak senior UMT akan memberikan persembahan yang terbaik dalam Kejohanan Sukan Staf antara Universiti-Universiti Malaysia kali ke 32.